

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

**<http://www.parlimen.gov.my>**

**HARI ISNIN, 25 MAC 2024, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 17**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1531-L23763  
**Tuan Edwin anak Banta [ Selangau ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah pelan tindakan alternatif meningkatkan akses jalur lebar dapat sampai ke kawasan luar bandar dengan terhadnya perlaksanaan strategi dan pelan sekarang.
2. PR-1531-L24346  
**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Haji Samsudin [ Masjid Tanah ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah jaminan pihak Kerajaan untuk memastikan barang keperluan bersubsidi seperti gula, minyak peket dan beras tempatan kembali pulih seperti sebelum PRU15 yang lalu.
3. PR-1531-L22778  
**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ Sibu ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan senarai terperinci langkah-langkah yang telah dilaksanakan seperti digariskan di bawah Kertas Putih Pertahanan dari tahun 2019 hingga 2023.
4. PR-1531-L23658  
**Dato' Indera Dr. Suhaili bin Abdul Rahman [ Labuan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berkenaan bantuan tangki yang telah diluluskan sebanyak 1000 biji melalui Perbadanan Labuan. Adakah pemberian/agihan tangki ini hanya untuk orang-orang tertentu sahaja atau merentasi dan melangkaui penduduk yang berlainan fahaman politik.

5. PR-1531-L23746

**Datuk Willie anak Mongin [ Puncak Borneo ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi menangani masalah pencerobohan menara yang semakin menjadi-jadi di Parlimen Puncak Borneo sehingga menganggu mutu perkhidmatan Telco.

6. PR-1531-L23891

**Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man [ Kubang Kerian ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan usaha untuk memastikan jumlah pembinaan rumah mampu milik meningkat terutama di kawasan luar bandar bagi memenuhi permintaan, mengambil kira laporan Indeks dan Survei Hartanah IQI Suku Keempat Malaysia 2023 harga jualan rumah dan sewa akan meningkat lebih tinggi tahun ini.

7. PR-1531-L22836

**Tuan Kesavan A/L Subramaniam [ Sungai Siput ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan perancangan program-program pembangunan selaras dengan peruntukan perbelanjaan tahun 2024 kepada ekosistem syarikat pemula atau *startup* bagi Malaysia mencapai kedudukan atau *ranking* antara 20 ekosistem *startup* terbaik di dunia menjelang tahun 2030.

8. PR-1531-L24348

**Tuan Muhammad Fawwaz bin Mohamad Jan [ Permatang Pauh ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah Kementerian tidak berhasrat untuk membina litar permotoran di Pulau Pinang.

9. PR-1531-L24379

**Datuk Matbali bin Musah [ Sipitang ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan penambahan pasukan sukarelawan Bomba & Penyelamat di kawasan pedalaman seperti Long Pasia, Bintuka, Bangkalalak. Kerana kawasan ini agak jauh dari balai bomba dan agak sukar untuk mendapatkan bantuan sekiranya terjadi bencana.

10. PR-1531-L23145

**Kapten Dato' Dr. Zulkafperi bin Hanapi (Bersara) [ Tanjung Karang ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan adakah harga pasaran barang keperluan asas ditentukan sepenuhnya oleh *supply and demand*:-

(a) keperluan menggunakan mekanisme pengawalan harga di bawah KPDN bagi mengekang kenaikan yang melampau dan menekan rakyat serta memastikan industri tidak rugi atau mati; dan

- (b) sama ada memberikan subsidi kepada penjual / peniaga atau bantuan kepada pembeli B40.
11. PR-1531-L22747  
**Dato' Sri Doris Sophia anak Brodi [ Sri Aman ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini pembinaan bangunan baharu mahkamah di Sri Aman yang dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 2024.
12. PR-1531-L24165  
**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [ Sik ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan perancangan susulan pihak Kerajaan dalam membantu dan menyokong tuduhan pembunuhan beramai-ramai tentera rejim Israel terhadap rakyat Palestin yang dibawa ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) oleh kerajaan Afrika Selatan.
13. PR-1531-L23578  
**Tuan Suhaizan bin Kaiat [ Pulai ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah peraturan dan langkah-langkah yang di ambil oleh Kerajaan bagi memastikan semua subsidi minyak masak, petrol, telur dan lain-lain tidak di nikmati oleh bukan warganegara Malaysia.
14. PR-1531-L24311  
**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [ Maran ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapa kos muktamad pembiayaan ECRL dan apakah tindakan yang sewajarnya diambil oleh Kerajaan dalam menyelesaikan masalah sebahagian tanah pemilik yang terlibat dengan pengambilalihan tanah kerana tanah tersebut tidak lagi boleh digunakan kesan daripada pembinaan ECRL.
15. PR-1531-L23557  
**Tuan Azli bin Yusof [ Shah Alam ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah khusus Kerajaan untuk memudahkan akses kemanusiaan segera dan berterusan ke dalam dan di seluruh Semenanjung Gaza untuk menangani keperluan kemanusiaan yang mendesak mengikut rangka kerja perundangan antarabangsa.
16. PR-1531-L24327  
**Tuan Zulkifli bin Ismail [ Jasin ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan-tindakan yang diambil untuk mengatasi kecaman terhadap hukum-hukum Islam yang dilihat semakin berleluasa ketika ini.

17. PR-1531-L23868

**Datuk Seri M. Saravanan [ Tapah ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah status Penggerak Penumpang Automatik (APM) di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) memandangkan ia amat penting untuk memastikan keselesaan dan kemudahan penumpang dalam perjalanan melalui KLIA.

18. PR-1531-L24074

**Tuan Wan Razali bin Wan Nor [ Kuantan ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah tindakan terhadap pemohon bagi rumah kategori *rent-to-own* seperti PPR yang menyewakan lot kediaman atas namanya kepada pihak ketiga.

19. PR-1531-L23749

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail [ Bandar Tun Razak ]** minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan keberkesanan langkah-langkah yang telah diambil bagi menangani ancaman *cyber security* seperti *ransomware attacks, cyber espionage attempts, data leaks* dan *cyber scams*.

20. PR-1531-L23796

**Kapten Azahari bin Hasan [ Padang Rengas ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapa bilangan penerima manfaat golongan OKU yang telah memperoleh tambang percuma pengangkutan awam sehingga kini serta pecahannya mengikut negeri.

21. PR-1531-L23773

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk melanjutkan moratorium hukuman mati terhadap banduan-banduan yang masih menghadapi hukuman mati selepas hukuman mereka tersebut dikenakan oleh Mahkamah Persekutuan di bawah undang-undang semakan hukuman tersebut yang baru-baru ini diperkenalkan oleh Kerajaan.

22. PR-1531-L24347

**Tuan Muhammad Fawwaz bin Mohamad Jan [ Permatang Pauh ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan kajian Kementerian berkaitan kelestarian dan kemampanan juga kebaikan dan keburukan bidang E-Sport untuk dijadikan karier memandangkan ramai remaja berhasrat menjadikannya sebagai kerjaya.

23. PR-1531-L23752

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail [ Bandar Tun Razak ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah projek yang tidak dapat dibangunkan di bawah Program Perumahan Rakyat 1Malaysia (PRIMA) dan sejauh manakah dasar bagi konsep Perumahan MADANI yang menjadi teras pembangunan kediaman mampu milik rakyat Malaysia tanpa mengira kumpulan pendapatan untuk mendiami perumahan selesa dan harmoni.

24. PR-1531-L24231

**Dr. Radzi Jidin [ Putrajaya ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sama ada Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) akan meneruskan hasrat untuk menjual pegangan saham LTAT dalam Boustead Plantations selepas syarikat tersebut tidak lagi disenarai di Bursa Malaysia.

25. PR-1531-L24262

**Tuan Lee Chean Chung [ Petaling Jaya ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada terdapat pelan Kerajaan untuk memantapkan pangkalan sistem bersepadu e-Kasih supaya terletak di bawah satu agensi, lebih kerap dikemaskini, lebih mudah didaftar dan lebih tepat.

26. PR-1531-L24032

**Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun [ Hulu Selangor ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengenai tatacara pengendalian piawai (SOP) untuk menjalankan operasi sistem penguatkuasaan automatik (AES).

27. PR-1531-L23535

**Tuan Manndzri bin Nasib [ Tenggara ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah langkah drastik yang diambil oleh pihak Kementerian dalam memacu pembangunan sukan permotoran negara serta langkah bagi membendung aktiviti tidak sihat yang membabitkan golongan belia yang meminati sukan terbabit.

28. PR-1531-L24328

**Tuan Zulkifli bin Ismail [ Jasin ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah ada usaha untuk mengeluarkan buku atau artikel berkaitan politik dalam Islam dalam usaha memberi kesedaran politik Islam dalam masyarakat dan mengelakkan kekeliruan ideologi politik yang bertentangan dengan Islam.

29. PR-1531-L23728

**Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [ Batu ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai sebarang skim pinjaman atau rancangan untuk skim pinjaman yang melibatkan pembaikan rumah untuk golongan B40 dan M40.

30. PR-1531-L24214

**Tuan Afnan Hamimi bin Dato' Haji Taib Azamudden [ Alor Setar ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah usaha dalam memastikan Stesen KTM Alor Setar sentiasa dalam keadaan penyelenggaraan yang baik, landskap yang ceria dan tandas yang bersih supaya memberi keselesaan kepada pengguna.

31. PR-1531-L23624

**Tuan Suhazan bin Kiat [ Pulai ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah-langkah Kerajaan membantu Perbadanan Pengurusan(MC) flat strata bagi menyelenggara bangunan yang telah lama, tiada simpanan kewangan, menanggung kos penyelenggaraan yang tinggi dan tidak mampu ditampung oleh penduduk B40 seperti kebocoran paip air, kebocoran atap, dinding yang pecah, kerosakan tangki dan lain-lain.

32. PR-1531-L24368

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan pelan penambahbaikan dan modenisasi pertahanan Malaysia sebagai langkah memperkuatkan kedaulatan negara dan apakah status terkini pencarian Kapal MV Dai Cat 06 yang telah hilang pada 9 Januari 2023.

33. PR-1531-L24224

**Tuan Haji Mohd Misbahul Munir bin Masduki [ Parit Buntar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sikap Kerajaan terhadap beberapa agamawan yang sering mempertikaikan kewibawaan ulama-ulama muktabar seperti Imam Shafie, Imam Ghazali dan sebagainya.

34. PR-1531-L23840

**Datuk Wetrom bin Bahanda [ Kota Marudu ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapa peruntukan tahunan yang disalurkan kepada PBT daerah Kota Marudu bagi tujuan pembangunan. Apakah PBT seperti Majlis Daerah Kota Marudu hanya bergantung kepada jumlah pungutan cukai dalam menambah kemudahan infrastruktur dan utiliti awam.

35. PR-1531-L24261

**Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status siasatan oleh PDRM atau SPRM ke atas parti pembangkang yang didakwa menerima habuan perjudian semasa mereka dalam Kerajaan untuk kempen pilihan raya.

36. PR-1531-L24314

**Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad [ Bagan Serai ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapa jumlah kutipan denda yang diperolehi bagi 5 tahun terakhir iaitu bermula tahun 2017 sehingga 2022 melalui kesalahan yang direkodkan oleh kamera AES ini.

37. PR-1531-L24287

**Tan Sri Haji Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana pelaksanaan skim upah yang lebih adil dan munasabah kepada penjawat awam dan apakah hasil Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) sebagai inisiatif pembaharuan dalam perkhidmatan awam.

38. PR-1531-L23813

**Datuk Wetrom bin Bahanda [ Kota Marudu ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah Kementerian mempunyai cadangan untuk membuka pejabat KPDN di daerah Kota Marudu atas keperluan pemantauan dan penguatkuasaan memandangkan pejabat terdekat yang ada, terletak di daerah Kudat dan pegawai-pegawai penguatkuasa terpaksa merangkumi kawasan daerah Kudat, Kota Marudu dan Pitas dalam menjalankan tugas.

39. PR-1531-L24183

**Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [ Julau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memperkenalkan Rang Undang-Undang Keselamatan Siber bagi membendung kegiatan penipuan dalam talian yang semakin berleluasa.

40. PR-1531-L24041

**Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [ Kota Bharu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) adakah Kerajaan telah menguatkuasakan dasar pengisyiharan harta dan aset bagi semua anggota pentadbiran Kerajaan Persekutuan; dan
- (b) berapa jumlah harta dan aset yang telah diisyiharkan oleh Perdana Menteri Malaysia dan Timbalan-Timbalan Perdana Menteri sekarang.

41. PR-1531-L23950

**Datuk Hajah Siti Aminah binti Aching [ Beaufort ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh pihak Kementerian dalam mengatasi masalah kebakaran yang sering kali berlaku di daerah Menumbok. Adakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan mini bomba, memandangkan jarak di antara balai bomba Kuala Penyu ke pekan Menumbok mengambil masa 45 minit dan jumlah penduduk di daerah Menumbok telah bertambah.

42. PR-1531-L24306

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [ Maran ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan telah memuktamadkan keputusan untuk tidak lagi memberi skim pencen kepada penjawat awam bermula Februari 2024 serta apakah kesannya kepada negara pada masa akan datang.

43. PR-1531-L23679

**Dato' Haji Shamshulkahar bin Mohd Deli [ Jempol ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah cabaran kerajaan dalam usaha membentangkan Rang Undang-Undang (RUU) Akta Sewaan Kediaman (RTA) bagi tujuan melindungi kepentingan serta hak penyewa dan pemilik kediaman yang ketika ini hanya dilindungi Akta Kontrak 1950.

44. PR-1531-L24323

**Datuk Dr. Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [ Pengkalan Chepa ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan terkini mengenai pengumuman Perdana Menteri untuk menyerahkan semula aset-aset Lembaga Tabung Haji (TH) yang pernah dipindah milik kepada Syarikat Tujuan Khas (SPV) Urus Harta Jemaah Sendirian Berhad (UJSB) sebelum ini dan bilakah tarikh yang dimuktamadkan serta namakan aset-aset yang terlibat dengan pengumuman berkenaan.

45. PR-1531-L24182

**Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [ Julau ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah peranan yang boleh diusahasamakan oleh pihak Kementerian selepas Kerajaan Negeri Sarawak mengambil alih operasi penerbangan MASWings. Adakah di peringkat Kementerian akan memperuntukkan sejumlah pembiayaan sebagai subsidi untuk MASWings melaksanakan operasi syarikat.

46. PR-1531-L24056

**Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin [ Jerantut ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perancangan Kementerian untuk membuka Terminal Bersepadu Gombak bagi perjalanan bas ekspres ke Pantai Timur terutama ke Jerantut bagi mengurangkan waktu perjalanan hampir sejam pada waktu sesak jika menggunakan TBS.

47. PR-1531-L24122

**Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas [ Mersing ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sejauh manakah pelaksanaan Kod Sukan Selamat ke arah mewujudkan persekitaran sukan yang selamat dan sihat di setiap peringkat.

48. PR-1531-L23476

**Tuan Zahir bin Hassan [ Wangsa Maju ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) inisiatif untuk memberi akses data *Defense Geospatial Information Management* (DGIM) berkaitan bencana kepada awam; dan
- (b) perancangan termasuk penyaluran dana bagi *Program Community-based Disaster Risk Management* (CBDRM), untuk mendidik dan memberi latihan kepada masyarakat sebagai persediaan asas selaku *initial-responder* ketika bencana.

49. PR-1531-L24253

**Dato' Hajah Mumtaz binti Md Nawi [ Tumpat ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memberikan insentif yang sesuai dan mendapat keistimewaan untuk pegawai yang ditauliah setelah mereka selesai menamatkan kursus selama 3 tahun PALAPES agar dapat diserap ke dalam perkhidmatan tetap sebagai tentera dalam skim khas tanpa perlu menjalani Latihan Wajib 9 bulan sebagaimana Pegawai Graduan.

50. PR-1531-L(5)00223

**Puan Wong Shu Qi [ Kluang ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan jumlah pas media bagi agensi berita luar negara seperti berikut :-

- (a) pas yang diluluskan setiap tahun semenjak 1998 dan jumlah warganegara dan bukan warganegara yang memperolehi pas tersebut; dan
- (b) sama ada Kementerian akan melanjutkan tempoh pas ke dua tahun.

**[ Pertanyaan di bawah PM.22(5) ]**

51. PR-1531-L23734

**Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [ Batu ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah rumah siap dibina tetapi tidak mampu dijual di Kuala Lumpur bermula tahun 2014 sehingga 2024.

52. PR-1531-L22712

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [ Pasir Gudang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah keputusan Kerajaan mulai 1 Februari tahun ini melaksanakan peraturan baru bahawa semua pelantikan baru ke perkhidmatan awam Malaysia secara kontrak tidak lagi lantikan tetap, adakah keputusan itu tidak bercanggah dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan.

53. PR-1531-L23227

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [ Muar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan penjelasan mengenai pengisytiharan harta Perdana Menteri dan juga Menteri Kabinet yang masih belum dilaksanakan.

54. PR-1531-L23924

**Dato' Haji Ahmad bin Saad @ Yahaya [ Pokok Sena ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan cadangan pembentangan penuh kajian kebolehlaksanaan projek Lapangan Terbang Kulim KXP oleh National Airports Strategic Plan (NASP).

55. PR-1531-L24084

**Tuan Muhammad Ismi bin Mat Taib [ Parit ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perancangan jangka masa panjang Kementerian untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas dan meningkatkan kecekapan pengangkutan awam di bandar-bandar besar di seluruh negara.

56. PR-1531-L24301

**Tuan Hassan bin Saad [ Baling ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan usaha Kerajaan mendepani isu Laut Merah terhadap keselamatan kapal-kapal Malaysia yang terjejas akibat sekatan yang dilakukan oleh Houthi Yaman.

57. PR-1531-L24191

**Dato' Rosol bin Wahid [ Hulu Terengganu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status siasatan terhadap pemimpin negara dan individu yang disenaraikan dalam siasatan Kertas Pandora setakat ini .

58. PR-1531-L24315

**Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad [ Bagan Serai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai program pembangunan asnaf oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) yang telah dilancarkan pada tahun 2022, berapa bilangan peserta yang terlibat sehingga tahun 2023.

59. PR-1531-L24349

**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Haji Samsudin [ Masjid Tanah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rintangan terhadap pembentangan segera RUU Perkhidmatan Parlimen daripada agensi Kerajaan dan Kementerian Kewangan. Apakah langkah yang sedang diambil untuk membaiki rintangan ini agar RUU ini dapat dibentangkan sebelum tahun 2025.

60. PR-1531-L23626

**Tuan Riduan bin Rubin [ Tenom ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perkembangan terkini pelaksanaan Program Khas Anak Negeri Sabah yang bertujuan untuk meningkatkan tahap sosioekonomi Bumiputera Sabah ke arah pendapatan wajar selari dengan komitmen Kerajaan di dalam pembentangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021 - 2025.

61. PR-1531-L22828

**Tuan Ganabatirau A/L Veraman [ Klang ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah jumlah tangkapan kes berkaitan lesen perniagaan warga tempatan yang disewa kepada warga asing di kawasan Klang sepanjang tahun 2023. Apakah tindakan yang telah diambil terhadap pihak yang didapati bersalah.

62. PR-1531-L24198

**Tuan Lee Chean Chung [ Petaling Jaya ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan :-

- (a) langkah yang telah diambil dalam menyelamat, membantu dan mencegah kes penipuan bekerja di luar negara, khususnya di sempadan Kemboja, Myanmar dan Laos; dan
- (b) adakah pihak Kementerian akan menggariskan SOP untuk menangani kes sedemikian, bermula daripada kempen kesedaran di lapangan terbang, sehingga ke penyenaraian hitam selepas mereka pulang.

63. PR-1531-L22898

**Tuan Chiew Choon Man [ Miri ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan keperluan membina dan menaik taraf sistem perparitan di Kawasan Penempatan Semula Tudan, daerah Miri yang bertujuan untuk mengurangkan risiko banjir yang sering berlaku di kawasan tersebut sehingga menjasakan kehidupan penduduk setempat.

64. PR-1531-L(5)00228

**Tuan Manndzri bin Nasib [ Tenggara ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah terdapat sebarang insentif dan bantuan baru yang diperkenalkan oleh pihak Kementerian terhadap syarikat mahupun individu yang mengendalikan perkhidmatan bas sekolah berikutnya kenaikan tambang bas sekolah sekali gus membebankan rakyat khususnya golongan ibu bapa.

[ Pertanyaan di bawah PM.22(5) ]

65. PR-1531-L23020

**Puan Isnaraissah Munirah Majilis [ Kota Belud ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) pecahan peruntukan bagi pembinaan baru, pemberian dan naik taraf infrastruktur asas (jalan raya, bekalan elektrik, air) yang melibatkan semua Kementerian bagi wilayah Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak; dan
- (b) berapa jumlah yang dimohon oleh Kerajaan Negeri Sabah bagi tiga infrastruktur ini bagi tahun 2024 dan jumlah yang telah diluluskan.

66. PR-1531-L23531

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa bilangan serta apakah masa depan kehadiran pelarian Filipina di Sabah yang sudah berada di Sabah sejak awal 1970-an.

67. PR-1531-L23219

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [ Muar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa perbelanjaan bagi pembayaran pencen dan elauan Perdana Menteri, Menteri Kabinet, Ahli Dewan Negara dan Ahli Dewan Rakyat pada tahun 2018 - 2023.

68. PR-1531-L(5)00222

**Tuan Khoo Poay Tiong [ Kota Melaka ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

- (a) apakah pencapaian Pelan Induk Perkapalan Malaysia 2017-2022; dan

- (b) apakah pelan atau usaha lanjut Kerajaan untuk memajukan industri maritim Malaysia.

[ Pertanyaan di bawah PM.22(5) ]

69. PR-1531-L23544

**Tuan Mohamad Shafizan Haji Kepli [ Batang Luper ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah terdapat perancangan oleh Kerajaan untuk mewujudkan pusat pentadbiran peringkat daerah bagi menempatkan pejabat-pejabat Persekutuan untuk daerah Pusa agar jabatan-jabatan dan agensi-agensi yang terlibat tidak perlu menumpang di bangunan lain.

70. PR-1531-L23164

**Datuk Jonathan Yasin [ Ranau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah penurunan kuasa untuk meluluskan projek pembangunan bernilai RM50 juta dan ke bawah telah dilaksanakan di Sabah pada tahun 2023. Jika ya, maka berapakah jumlah bilangan projek dan jumlah keseluruhan nilai peruntukan projek pembangunan tersebut. Tahun ini berapa projek terlibat.

71. PR-1531-L23371

**Dato' Khilir bin Mohd Nor [ Ketereh ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan bilakah Pencen Hilang Upaya ke atas anggota veteran yang cedera semasa bertugas terutama semasa operasi menentang pengganas komunis di zaman darurat akan diselaraskan semula.

72. PR-1531-L23449

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [ Tanah Merah ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan perancangan Tentera Darat berkenaan pelan masa hadapan aset Kereta Kebal "Pendekar" PT-90M mengambil kira syarikat Original Equipment Manufacturer (OEM) iaitu Bumar Laberdy daripada Poland sudah menghentikan pengeluaran alat ganti kereta kebal jenis ini serta prestasi buruk kereta kebal dari model yang sama dalam Perang Rusia - Ukraine.

73. PR-1531-L23312

**Tuan Lim Lip Eng [ Kepong ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilangan pekerja perkhidmatan penghantaran (*p-hailing*) dan (*e-hailing*) dan apakah polisi Kerajaan untuk menggalakkan mereka menggantikan kesemua motosikal mereka kepada jenis elektrik.

**PADA PERMULAAN URUSAN MESUARAT**  
**MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN**  
**UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA**

1. **Menteri Dalam Negeri**

- \* Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2024.

2. **Menteri Digital**

- \* Rang Undang-Undang Keselamatan Siber 2024.

3. **Menteri Kewangan**

- \* Rang Undang-Undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 2024.

4. **Menteri Kewangan**

- \* Rang Undang-Undang Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Pindaan) 2024.

---

\* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

### **ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. ( D.R 35/2023 ) Rang Undang-Undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2023 - **Menyambung semula Perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”.**  
[ 21 Mac 2024 ]

[ **Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam** ]

2. ( D.R 2/2024 ) Rang Undang-Undang Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2024. **Bacaan Kali Yang Kedua**

[ **Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam** ]

3. ( D.R 5/2024 ) Rang Undang-Undang Perbekalan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2024. "

[ **Menteri Kewangan** ]

**DAN**

**Menteri Kewangan** akan mencadangkan :

“BAHAWASANYA, berikutan penyusunan semula Kabinet pada 12 Disember 2023, beberapa kementerian telah disusun semula dan dinamakan semula, beberapa kementerian baharu telah ditubuhkan dengan fungsi-fungsinya dipindahkan daripada kementerian-kementerian lain:

DAN BAHAWASANYA Perbelanjaan Pembangunan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang disusun semula dan dinamakan semula itu telah diluluskan oleh Dewan ini dan diperuntukkan bagi maksud-maksud seperti yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2024:

DAN BAHAWASANYA terdapat keperluan untuk menyelaraskan peruntukan perbelanjaan berkenaan dengan beberapa kementerian yang telah disusun semula dan dinamakan semula itu berikutan dengan penyusunan semula fungsi-fungsi kementerian:

DAN BAHAWASANYA aman yang belum dibelanjakan berhubung dengan kementerian-kementerian yang peruntukan perbelanjaannya perlu dikurangkan itu akan disekat melalui waran yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan di bawah seksyen 8, Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406]:

DAN BAHAWASANYA menurut subseksyen 4(2), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], penguntukan semula peruntukan perbelanjaan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang telah disusun semula dan dinamakan semula dan kementerian-kementerian baharu itu hanya boleh dilakukan melalui suatu Usul yang diluluskan oleh Dewan ini:

BAHAWA DEWAN INI, mengikut subseksyen 4(3), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang sebanyak enam bilion lima ratus enam puluh satu juta enam ratus enam belas ribu tiga ratus ringgit (RM6,561,616,300) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2024, bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2024 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 7 Tahun 2024 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang ketujuh dan kelapan Penyata tersebut dan Usul ini disifatkan telah berkuat kuasa pada 3 Januari 2024.”

- |                   |  |                               |
|-------------------|--|-------------------------------|
| 4. ( D.R 3/2024 ) | Rang Undang-Undang Wang Tak Dituntut (Pindaan) 2024. | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
|-------------------|--|-------------------------------|

**[ Menteri Kewangan ]**

- |                   |   |   |
|-------------------|---|---|
| 5. ( D.R 1/2024 ) | Rang Undang-Undang Perniagaan Perkhidmatan Wang (Pindaan) 2024. | " |
|-------------------|---|---|

**[ Menteri Kewangan ]**

6. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :

“Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM15,149 juta di bawah seksyen 3(1) Akta yang sama, iaitu baki wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) sebanyak RM149 juta bagi Disember 2023 dan RM15,000 juta bagi tempoh Januari hingga Februari 2024 ke Kumpulan Wang Pembangunan”.

## 7. PR-1531-U(27)308

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mempertimbangkan pengecualian kenaikan cukai perkhidmatan sebanyak dua peratus dari enam ke lapan peratus terhadap bil elektrik dan air yang dijadualkan bermula Mac 2024.

Kadar kenaikan ini pastinya akan menambah beban bulanan isi rumah terutama golongan B40 serta M40 dan perniagaan termasuklah sektor pembuatan dan perkhidmatan. Justeru, memandangkan situasi ekonomi negara yang masih belum pulih sepenuhnya dan ditambah lambakan cukai baharu yang akan mula dilaksanakan pada tahun 2024, Kerajaan seharusnya mengekalkan kadar cukai perkhidmatan sedia ada untuk bil elektrik seperti yang diberikan kepada sektor makanan dan minuman, tempat letak kereta dan telekomunikasi."

**[ Menteri Kewangan ]**

## 8. PR-1531-U(27)309

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa cukai barang dan perkhidmatan (GST) untuk diperkenalkan semula bagi menjana kembali pendapatan negara dengan lebih baik dengan melaksanakan beberapa penambahaikan terhadap mekanisme GST itu sendiri.

Kerajaan boleh mempertimbangkan kadar GST yang lebih rendah iaitu daripada 6 peratus kepada 4 peratus yang dilihat lebih munasabah serta tidak membebankan pengguna dan pembayar cukai. Manakala pelaksanaan serta pematuhan perlu dipermudah dengan kesan minima kepada perniagaan seperti penambahbaikan mekanisme pembayaran semula cukai dapat disegerakan dalam tempoh 14 hari dan Kerajaan perlu melantik auditor bebas dari pihak swasta untuk menyemak rekod bagi memastikan tiada sebarang pelanggaran cukai berlaku.

Sistem percukaian GST yang pernah dilaksanakan negara sebelum ini adalah sistem cukai yang lebih baik berbanding pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) dan lambakan cukai yang akan dilaksanakan pada tahun ini, dan seharusnya Kerajaan perlu segera mengambil iktibar dari kesan pemansuhan GST pada 2018 yang telah membebankan rakyat sehingga hari ini."

**[ Menteri Kewangan ]**

9. PR-1531-U(27)310

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk membuat penetapan dengan lebih adil bagi perlaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) terhadap cabang perubatan dengan tidak membebankan pesakit yang menjalani rawatan perubatan tradisional dan komplementari (PT&K / TCM).

Sektor TCM, merangkumi ubat-ubatan tradisional Cina dan Melayu serta perubatan ayurveda adalah cabang sistem penjagaan kesihatan dan adalah tidak wajar dikenakan SST sama seperti perubatan moden atau barat.

Malah, menurut seksyen 37, Garis Panduan Perkhidmatan Profesional bertarikh 21 September 2021 yang dikeluarkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) jelas memberi pengecualian SST kepada perkhidmatan perubatan dan pembedahan kepada manusia dan haiwan yang ditawarkan oleh pengamal perubatan di klinik swasta, klinik pakar termasuk khidmat runding oleh pengamal perubatan.

Maka, kerajaan digesa untuk konsisten dan kekal memberi pengecualian bagi perkhidmatan TCM ini daripada dikenakan cukai SST sama seperti pengecualian SST ke atas perkhidmatan perubatan moden."

**[ Menteri Kewangan ]**

10. PR-1531-U(27)311

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini mencadangkan tahun 2024 adalah merupakan ulang tahun ke-50 penubuhan hubungan diplomatik antara Malaysia dan Republik Rakyat China, berikutan pemeteraian Kenyataan Bersama (*Joint Communique*) antara Perdana Menteri Tun Abdul Razak dan Perdana Menteri Chou En-Lai pada 31 Mei 1974.

China adalah rakan dagangan terbesar Malaysia sejak 2009 dan angka ini saban tahun meningkat, dan China akan menjadi kuasa ekonomi terbesar dunia menjelang tahun 2030 mengatasi Amerika Syarikat.

Maka, diusulkan Kerajaan untuk mengadakan sambutan besar-besaran sempena meraikan ulang tahun hubungan diplomatik yang penuh bersejarah ini bagi merapatkan keakraban antara Malaysia dan China yang secara tidak langsung dapat memberi nilai tambah kepada pertumbuhan ekonomi negara menerusi pelbagai bidang kerjasama termasuklah perdagangan dan pelaburan. "

**[ Menteri Luar Negeri ]**

## 11. PR-1531-U(27)312

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kementerian untuk mewujudkan dasar buruh asing yang jelas dan polisi yang lengkap dalam memastikan kehadiran buruh asing tidak akan membelenggu ekonomi Malaysia kerana mereka telah pun mendominasi beberapa industri dalam negara bukan lagi sebagai pekerja tetapi sebagai pengusaha.

Kehadiran pekerja migran diakui dapat membantu negara mengatasi masalah kekurangan pekerja dan membantu mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi. Namun, kemasukan buruh asing yang ketara bermula sejak akhir 1980-an didukung oleh dasar perindustrian yang pesat sebaliknya memberi impak negatif pada hari ini. Pada tempoh awal kemasukan mereka di Malaysia, mereka hanya terlibat sebagai buruh kasar di sektor formal. Usai peredaran masa, berlaku anjakan pekerjaan pekerja migran untuk menyesuaikan keadaan ekonomi terutamanya semasa krisis ekonomi 1997 dan 2008.

Lebih merunsingkan, pertumbuhan penduduk warga asing kini telah pun melangkaui lebih dari 2 generasi. Adalah dijangka fenomena anjakan pekerja kepada pengusaha asing dalam sektor formal dan tidak formal ini akan menyebabkan usaha kerajaan untuk mengurangkan perbezaan jurang pendapatan menjadi semakin sulit."

**[ Menteri Sumber Manusia ]**

## 12. PR-1531-U(27)313

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kementerian untuk menubuhkan satu Institut Hak Asasi, Penyelidikan dan Pembangunan Orang Asli. Malaysia sebagai salah satu ahli Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (PBB) pada dasarnya telah bersetuju pada 13 September 2007 berkaitan dengan *Declaration on the Rights of Indigenous People* dengan resolusi untuk menubuhkan *National Institution on The Rights of Indigenous People*. Namun sehingga hari ini, kita masih belum menubuhkan sebarang institut yang mengangkat martabat orang asli.

Adalah dicadangkan Universiti Teknologi MARA (UiTM) sebagai peneraju selaras peranan mereka dalam memajukan bumiputera sekaligus mengiktiraf orang asli sebagai kaum bumiputera di Malaysia malahan capaian lokaliti UiTM dilihat mempunyai kelebihan lantaran kewujudan kampus di serata Malaysia.

Penubuhan Institut Orang Asli ini bukanlah untuk mengambil alih peranan Majlis Penasihat Kebangsaan Masyarakat Orang Asli (MPKPMOA) sebagai penasihat kerajaan, atau Jabatan Kemajuan Orang Asli (JKOA). Sebaliknya, Institut ini boleh menjadi gandingan yang mempunyai autoriti dan kefahaman menyeluruh dalam memberikan pandangan yang berwibawa serta mempunyai merit bagi melaksanakan perancangan yang melibatkan Orang Asli.

Sudah tiba masanya Orang Asli perlu di beri peluang sepenuhnya, secara terus dan aktif, mengurus dan mentadbir serta mengemudi institusi, budaya dan cara hidup yang berkait secara langsung dengan arus pembangunan negara.”

### [ Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah ]

13. PR-1531-U(27)314

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan mewujudkan dasar dan polisi Pembangunan Tempatan Diterajui Komuniti atau *Community Led Local Development* yang mewajibkan syarikat-syarikat yang memperolehi projek mega berjumlah RM500 juta ke atas untuk menyedia satu dana khas secara tanggungjawab sosial korporat atau CSR bagi program pembangunan bakat tempatan dan setempat yang bersifat holistik yang akan menyokong perkembangan ekonomi setempat.

Dasar ini menyokong tindakan pembangunan tempatan, bertujuan untuk menggerakkan dan melibatkan masyarakat tempatan dengan membina potensi khusus setiap lokaliti dan menyokong bakat tempatan terutama golongan bumiputera. Kehadiran projek mega ke sesuatu tempat terutama kawasan luar bandar sewajarnya memberi manfaat berterusan sebelum, semasa dan selepas pembinaan kepada penduduk setempat. Dengan mewujudkan syarikat dari dana CSR projek mega ini mampu membangun bakat setempat di samping manfaat ekonomi berterusan kepada mereka.

Adalah menjadi harapan, limpahan atau *spill over* impak projek pembangunan mega dapat dirasai dan dimanfaatkan sepenuhnya oleh penduduk setempat."

### [ Menteri Kewangan ]

14. PR-1531-U(27)315

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mengambil tindakan drastik untuk melepaskan negara dari himpitan Kos Sara Hidup. Pada 25 Januari kenyataan akhbar telah membicarakan Harga Ayam yang dijangka naik disebabkan tarif air naik dan baru-baru ini diumumkan insurans kereta akan meningkat bermula 1 Mac akibat kenaikan 8% cukai perkhidmatan yang turut melibatkan insurans dan lain-lain.

Sumbangan STR mungkin dapat meringankan sedikit beban perbelanjaan kepada penerima tetapi peningkatan harga menimbulkan cabaran kepada isi rumah dengan tahap kesusahan berbeza mengikut kumpulan pendapatan dan menyebabkan kesan lebih ketara seterusnya menjadikan kumpulan berkenaan lebih mudah terdedah kepada tekanan kos sara hidup. Oleh hal yang demikian, adalah diharapkan Kementerian

segera dapat mengambil tindakan sewajarnya untuk mententeramkan kegusaran rakyat yang berhadapan bebanan ekonomi. "

#### **[ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup ]**

15. PR-1531-U(27)316

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan segera membina Pangkalan di Beting Patinggi Ali. Sehingga kini tiada langkah tegas yang diambil pihak Kerajaan untuk menghalang pencerobohan kapal China di Beting Patinggi Ali yang terletak dalam kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) Malaysia. Adalah diharapkan pihak Kerajaan dapat merancang dan melaksanakan mekanisme yang lebih efektif untuk menangani masalah ini setelah nota diplomatik yang dihantar pihak Malaysia seperti tidak dihiraukan bagi memastikan Beting Patinggi Ali menjadi hak Malaysia."

#### **[ Menteri Pertahanan ]**

16. PR-1531-U(27)317

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan tembok kekal di sempadan Malaysia-Thailand bagi mengekang kegiatan penyeludupan dan jenayah rentas sempadan di negara ini. Pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia-Thailand perlu agar dapat merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand adalah sangat diperlukan.

Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan. Mohon pihak kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyegerakan pembangunan tembok sempadan Malaysia - Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia - Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara. "

#### **[ Menteri Dalam Negeri ]**

17. PR-1531-U(27)318

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan bersikap adil dalam mengamalkan kebebasan media di Malaysia. Kerajaan tidak seharusnya menjadikan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) sebagai alat politik untuk menyekat mana-mana isi kandungan media yang tidak 'pro' Kerajaan atau tidak sependapat dengan Kerajaan. YAB Perdana Menteri yang memerintah Kerajaan pada masa ini telah berikrar dalam manifestonya untuk memastikan hak kebebasan bersuara dan melindungi kebebasan media. Namun, keadaan sebaliknya berlaku selepas beberapa bulan beliau membentuk Kerajaan.

Lebih mendukacitakan, kebebasan media yang diwar-warkan Kerajaan hanyalah terhad kepada 'pro' Kerajaan sahaja, manakala parti pembangkang secara halus dikenakan sekatan kepada akses media. Mana-mana media rasmi Kerajaan mahupun swasta tidak diberi kebenaran untuk menyiaran berita mengenai parti pembangkang mahupun pihak yang menentang Kerajaan. Oleh hal demikian, Kementerian digesa supaya berlaku adil dalam menyalurkan maklumat kepada rakyat. Tindakan ini adalah penting untuk memastikan hak kebebasan media tidak dicabul sewenang-wenangnya oleh pihak-pihak tertentu. "

**[ Menteri Komunikasi ]**

18. PR-1531-U(27)319

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk segera menyelesaikan masalah pekerja e-hailing dan p-hailing. Akta khusus perlu diwujudkan segera oleh pihak Kerajaan berkaitan ekonomi gig agar isu-isu yang berkaitan ini tidak berlarutan kerana hanya pihak Kerajaan yang boleh merangka dan mengeluarkan polisi atau garis panduan meliputi keseluruhan ekosistem ekonomi gig p-hailing. Kerajaan digesa untuk campur tangan di dalam isu pengurangan upah penunggang p-hailing dan mengambil tindakan sewajarnya untuk membela nasib kumpulan pekerja ekonomi gig ini."

**[ Menteri Pengangkutan ]**

19. PR-1531-U(27)320

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentuk satu pasukan petugas khas bagi memberi perhatian terhadap isu pencerobohan sempadan yang berlaku di Sabah dan Sarawak. Seperti di ketahui, Sabah dan Sarawak pula berkongsi sempadan darat sejauh 2,019.5km dengan Kalimantan, Indonesia. Daratan Negara Brunei Darussalam dibatasi sepenuhnya oleh Sarawak sepanjang 481.3km. Kebanyakan kawasan perbatasan Malaysia bersama negara-negara jirannya terletak di

kawasan perbukitan yang diliputi hutan tebal dan kawasan perairan laut menyebabkan kawalan terhadap kawasan-kawasan ini sulit dilakukan.

Oleh sebab itu, masalah pencerobohan, penyeludupan, pemerdagangan manusia dan perdagangan narkotik adalah antara isu yang saban tahun masih berlaku dan sukar ditumpaskan. Susulan pembangunan Nusantara, ibu negara baharu Indonesia di Kalimantan Timur dan dengan siapnya Lebuh Raya Sematan – Telok Melano secara tidak langsungnya meningkatkan risiko pencerobohan sempadan sama ada melalui darat dan laut terutamanya melalui Taman Negara Tanjung Datu.

Oleh hal yang demikian, tindakan segera kerajaan bagi mencari solusi terbaik kepada masalah kawalan sempadan ini adalah amat diharapkan."

### **[ Menteri Dalam Negeri ]**

20. PR-1531-U(27)321

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan agar memperluaskan Program Kemudahan Sokongan Akaun 2 (FSA2) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) kepada pencarum berusia bawah 40 tahun ke bawah. Inisiatif FSA2 dilihat sebagai alternatif segera yang dapat membantu rakyat yang terkesan dalam menangani isu kos sara hidup dan kenaikan harga barang pada masa ini."

### **[ Menteri Kewangan ]**

21. PR-1531-U(27)322

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan meletakkan sebuah garis panduan untuk sekolah-sekolah bagi pengurusan dana, perbelanjaan, dan juga aktiviti kutipan wang daripada pelajar, ibu-bapa, dan orang ramai. Selain itu, sebuah badan pemantau perlu diwujudkan bagi memastikan garis panduan ini dipatuhi.

Ini kerana, kini sudah menjadi sebuah kelaziman untuk pihak-pihak sekolah menganjurkan program-program dan majlis-majlis yang memakan belanja besar, yang menggunakan duit daripada poket pelajar. Sebahagian daripada majlis ini mewajibkan kehadiran, dan sebahagian lainnya adalah secara sukarela. Tetapi harus kita faham, kewujudan jurang ekonomi akan membuatkan wujudnya golongan pelajar yang rasa kecinciran sosial disebabkan faktor kewangan keluarga. Ia juga membuat mereka berasa tertekan serta memberi tekanan kepada ibu-bapa, lebih-lebih lagi dalam situasi ekonomi kini.

Bukan sahaja untuk majlis, malah sering juga pihak sekolah membuat kutipan wajib bagi pembaharuan infrastruktur, dan kutipan ini kadangkala boleh mencecah ratusan ringgit. Isu ini merupakan sebuah isu yang kurang mendapat perhatian tetapi penting untuk dibawa ke hadapan kerana ia melibatkan sosioekonomi keluarga B40 & M40 serta kesejahteraan perkembangan minda dan emosi para pelajar yang bakal menjadi teraju negara ini di masa hadapan.

Selain itu, dibimbangi jika tiada pemantauan dilakukan, perkara ini akan membuka ruang untuk pihak tertentu mengambil kesempatan.”

**[ Menteri Pendidikan ]**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN RAKYAT)**

<b><u>TAHUN 2023</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST. 206	Pembentangan Instrumen yang Diterima Pakai di Persidangan Buruh Antarabangsa di Mesyuarat Parlimen	25 Mac 2024
<hr/>		
<b><u>TAHUN 2024</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
DR. 7	Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Pembinaan Negara Bangsa, Pendidikan dan Pembangunan Sumber Manusia mengenai Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Pembinaan Negara Bangsa, Pendidikan dan Pembangunan Sumber Manusia Penggal Kedua Parlimen Kelima Belas	25 Mac 2024
DR. 8	Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) mengenai Tindakan Susulan Kementerian Kesihatan Malaysia bagi Syor-Syor Laporan PAC Parlimen berhubung Pengurusan Wabak COVID-19: Vaksin Luput Tempoh Hayat, Peralatan Ventilator Tidak Dapat Digunakan dan Lebihan <i>Personal Protective Equipment</i> (PPE)	25 Mac 2024
ST. 59	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Institut Akauntan Malaysia (MIA) Bagi Tahun 2021	25 Mac 2024

**\*\*UCAPAN-UCAPAN**  
**( PERATURAN MESYUARAT 17 )**  
**( KAMAR KHAS )**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
25.03.2024 ( Isnin )	1. YB Puan Young Syefura binti Othman (Bentong)	1. Kes Pembuangan Bayi 2. Penggunaan Tenaga Solar Domestik dan Bangunan Kerajaan	1. YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat 2. YB Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air
	2. YB Tuan Rushdan bin Rusmi (Padang Besar)	3. Status Sekolah Kebangsaan Chuping, Perlis 4. Masalah Penguatkuasaan Terhadap Kenderaan Thailand di Sempadan Padang Besar dan Wang Kelian, Perlis	3. YB Menteri Pendidikan 4. YB Menteri Pengangkutan

**\*\* Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**